



YAYASAN ISLAM TERENGGANU

## IKLAN JAWATAN KOSONG (LANTIKAN CONTRACT FOR SERVICE)

---

Permohonan adalah dipelawa daripada Warganegara Malaysia yang berasal dari rakyat Negeri Terengganu yang berkelayakan dan berumur tidak kurang dari 18 tahun pada tarikh tutup iklan untuk mengisi kekosongan jawatan bertaraf kontrak di Yayasan Islam Terengganu.

### SYARAT-SYARAT UMUM LANTIKAN

- 1) Warganegara Malaysia.
- 2) Rakyat Negeri Terengganu.
- 3) Berumur tidak kurang 18 tahun pada tarikh tutup iklan jawatan.
- 4) Memiliki Kepujian (sekurang-kurangnya Gred C) dalam subjek Bahasa Melayu pada peringkat Sijil Pelajaran Malaysia/Sijil Vokasional Malaysia atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan.

### CARA MEMOHON

- 1) Pemohon hendaklah membuat permohonan secara dalam talian (online) dan melengkapkan semua maklumat melalui pautan google form di bawah:



**PEMBANTU HAL EHWAL ISLAM**

<https://forms.gle/iBNaH1YhbmJ4iJts9>

- 2) Sila masukkan maklumat yang benar, lengkap dan tepat. Permohonan yang tidak lengkap tidak akan diproses.
- 3) Hanya calon-calon berjaya disenarai pendek sahaja akan dipanggil untuk temu duga. Sebarang keputusan yang dibuat berkaitan dengan urusan ini adalah muktamad.
- 4) Pemohon-pemohon yang tidak menerima sebarang jawapan selepas **TIGA (3) BULAN** dari tarikh tutup permohonan hendaklah menganggap permohonan mereka tidak berjaya.
- 5) Tarikh permohonan dibuka **28 JUN 2026 (AHAD) HINGGA 5 JULAI 2026 (AHAD), JAM 12.00 TENGAH HARI.**

## PEMBANTU HAL EHWAL ISLAM

KELAYAKAN	GAJI (BULAN)	KEKOSONGAN	PENEMPATAN
SPM	RM 1,700.00	1	Hulu Terengganu

### SYARAT-SYARAT LANTIKAN

1. a) Calon bagi lantikan hendaklah memiliki kelayakan seperti berikut:
    - i) Sijil Pelajaran Malaysia atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan; dan
      - Kepujian dalam salah satu subjek Pendidikan Islam, Pendidikan Al-Quran & As-Sunnah atau Pendidikan Syariah Islamiah; serta
      - Lulus dalam subjek Bahasa Arab, Bahasa Arab Tinggi atau Bahasa Arab (Komunikasi).
- 

### SYARAT-SYARAT JABATAN

2. Berkebolehan membaca Al-Quran dengan baik dan mempunyai minat dalam aktiviti dakwah dan kemasyarakatan Islam.
- 

### DESKRIPSI TUGAS

3.
  - a) Membantu pengurusan masjid dan surau.
  - b) Membantu pelaksanaan program dakwah dan pengembangan ilmu islam.
  - c) Membantu urusan kuliah, ceramah, tazkirah dan program keagamaan.
  - d) Membantu pengurusan perkahwinan, perceraian dan pembangunan keluarga Islam.
  - e) Membantu urusan saudara muslim dan program pengukuhan akidah.
  - f) Membantu tugas-tugas pentadbiran dan operasi berkaitan hal ehwal islam.